Di Malaysia, kaedah pelupusan sisa pepejal secara kambus tanah lebih banyak digunakan berbanding kaedah lain. Daripada 170 tapak pelupusan yang sedia ada, hanya tujuh buah yang boleh dianggap sebagai tapak pelupusan iaitu teknik yang paling selamat bagi alam sekitar (Ismail et al., 2003). Sementara itu, tapak pelupusan lain lebih banyak menggunakan kaedah pembuangan secara terbuka di mana lubang digali sebelum sampah dicampak ke dalamnya (Ismail et al., 2003). Dalam mengendalikan tapak pelupusan yang wujud di Malaysia, kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi membolehkan proses pelupusan sisa pepejal dapat dilaksanakan. Sebagai contoh, sebuah tapak pelupusan yang dibina di Rawang dengan saiz 20 juta meter padu menelan perbelanjaan sebanyak RM 400 juta dengan jangka hayatnya cuma 15 tahun berdasarkan jumlah penghasilan sampah di antara 1,200 tan sehingga 2,000 tan sehari di Lembah Kelang (Ismail et al, 2003). Sementara itu, kos untuk mengutip, mengangkut dan membuang ke tapak pelupusan sahaja adalah di antara RM 90 hingga RM 150 bagi setiap tan (Berita Harian, 2005). Dengan peningkatan penghasilan sampah sehingga 18,000 tan sehari, kos ini dilihat terlalu tinggi. Masalah kos perbelanjaan yang besar dankekangan tanah ini juga menyebabkan operasi tapak kambus tanah di negara-negara Eropah telah pun dihentikan (Ismail et al., 2003). Sebagai contoh, kerajaan Jerman dan Denmark telah meluluskan dasar tanpa kambus tanah (*zero landfill*) mulai tahun 2004.

Selain tapak pelupusan, terdapat satu lagi kaedah yang telah diperkenalkan dalam sistem pelupusan sisa pepejal bersepadu iaitu loji pembakaran tertutup atau pun insinerator. Kaedah rawatan terma yang mampu mengurangkan isipadu sisa pepejal sehingga 90 % ini mungkin baru di Malaysia tetapi tidak bagi negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat. Negara Jepun umpamanya telah

mempunyai lebih daripada 1,850 loji pembakaran seumpama ini untuk membakar sisa pepejal pembandaran manakala sebanyak 3,300 buah lagi beroperasi untuk membakar sisa industri (The New York Times, 1997). Sementara itu, terdapat sebanyak 150 buah insinerator yang beroperasi di Amerika Syarikat manakala 50 buah lagi di Jerman. Dalam usaha mempelbagaikan kaedah untuk melupuskan sisa pepejal ini, kerajaan Malaysia telah merancang untuk membina sebuah insinerator atau loji pembakaran tertutup di Broga, Selangor. Secara umumnya, kaedah rawatan terma ini bertujuan untuk mengurangkan berat dan isipadu sisa pepejal yang dibuang serta menukarkannya menjadi sisa lebihan yang bersifat lengai dengan mengurai bahagian yang boleh melerai di bawah suhu tinggi yang terkawal. Walau bagaimanapun, projek pembinaan insinerator yang mampu menerima 1,500 tan sampah sehari itu telah mendapat tentangan daripada penduduk setempat, parti pembangkang dan badan bukan kerajaan (NGO) yang bimbang kesannya kepada manusia dan alam sekitar (Kosmo, 2005).

Penyelesaian masalah sisa pepejal atau pun sampah ini tidak seharusnya dibebankan sepenuhnya kepada tapak pelupusan sampah dan insinerator sahaja. Kedua-dua sistem ini adalah pengurusan sisa pepejal peringkat terakhir, sedangkan masalah sampah bermula pada hari pertama ia dihasilkan. Aktiviti penggunaan dan kitar semula barang, proses pengkomposan dan mengurangkan bahan buangan merupakan langkah yang boleh digunakan bagi mengelak masalah pembuangan sisa pepejal ini daripada menjadi lebih serius. Bagi mengurangkan penghasilan sampah yang kian meningkat, KPKT telah mewujudkan Program Kitar Semula di mana sampah-sampah tertentu akan diguna atau dikitar semula. Secara amnya, kitar semula boleh ditafsirkan sebagai memproses barang-barang lama untuk dijadikan bahan-

bahan baru serta menggunakan semula barang-barang tersebut seperti yang asal atau pun memberikan kepada orang lain untuk digunakan. Walau bagaimanapun, tidak semua komponen sampah atau sisa pepejal ini boleh dikitar semula. Hanya komponen tertentu seperti botol kaca, tin aluminium, besi dan produk kertas sesuai untuk dikitar semula. Pengalaman di seluruh dunia menunjukkan ia memerlukan masa yang agak panjang untuk mencapai kadar kitar semula yang tinggi iaitu sekitar 50 %. Umpamanya, Jerman dan Jepun mengambil masa lebih 20 tahun bagi mencapai kadar yang memuaskan. Menurut laporan pengurusan sisa pepejal sedunia, Amerika Syarikat dan Jepun telah mengitar semula 40 % daripada jumlah sampah yang dihasilkan, Switzerland (22 %), Denmark (19 %) dan Finland (15 %) (Ismail et al, 2003). Manakala di Malaysia, jumlah sisa pepejal yang dikitar semula jauh lebih rendah berbanding negara-negara maju iaitu di bawah 5 %. Dengan pelaksanaan Program Kitar Semula Kebangsaan yang diadakan setiap tahun, kerajaan komited untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 22 % menjelang tahun 2020 (<http://aplikasi.kpkt.gov.my/ucapan.nsf>, 12/5/2005).

Satu lagi pendekatan bagi membantu menyelesaikan masalah lambakan sisa pepejal atau sampah ini ialah pengkomposan. Proses pengkomposan merupakan salah satu kaedah atau pun alternatif untuk memulihara atau mendapatkan semula sumber yang mempunyai banyak ciri positif di mana teknologinya boleh diubah suai mengikut situasi atau keadaan setempat (Ahmad, 2001). Kompos yang dihasilkan juga merupakan produk akhir yang boleh digunakan semula sebagai bahan penambahbaik tanah atau sebagai baja di kawasan pertanian. Produk akhir ini juga mengandungi 1 % unsur surih seperti nitrogen, fosforus dan kalium yang boleh menambah kesuburan dan produktiviti tanah (Ahmad, 2001). Biasanya dalam proses

pengkomposan sisa pepejal, satu perempat daripada sisa pepejal berkenaan boleh dijadikan kompos. Sisa pepejal atau sampah yang bersifat organik seperti sisa makanan dan sisa taman sesuai untuk dikomposkan. Di Malaysia, proses pengkomposan dianggap tidak popular dan masih lagi di peringkat kajian dan aktiviti ini dijalankan secara kecil-kecilan di rumah. Sebagai contoh, kerajaan negeri Pulau Pinang telah melaksanakan projek membuat kompos di rumah dalam usaha mengurangkan pembuangan sisa organik basah daripada isi rumah yang dianggarkan 1.1 kilogram sehari. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Lalu lintas, Penerangan dan Perhubungan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr Teng Hock Nan, projek seumpama ini dilihat mampu mengurangkan pembuangan sisa pepejal sebanyak 45 % dan kos pengangkutan untuk mengangkut bahan buangan tersebut dari bahagian pulau ke Tapak Pelupusan Pulau Burung, Seberang Perai ialah sebanyak RM 60 bagi setiap tan (Utusan Malaysia, 2004).

## **1.2 Latar belakang dan kepentingan kajian**

Berdasarkan bilangan penduduk yang semakin meningkat di Malaysia, jumlah sisa buangan di negara ini juga dianggarkan akan meningkat menjadi 21,104 juta sehari atau pun 7.6 juta tan setahun (Berita Harian, 2005). Fenomena ini menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan jutaan ringgit setiap tahun untuk pengurusan sisa buangan yang meliputi kos untuk mengutip, mengangkut dan melupuskan sisa tersebut. Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, sejumlah RM 400 juta telah dibelanjakan untuk menguruskan kira-kira 5 juta tan sisa pepejal di seluruh negara pada tahun 2003 (Utusan Malaysia, 2004). Dalam Bajet 2006 yang diumumkan oleh Perdana Menteri,

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM 363 juta bagi tujuan pengurusan sisa pepejal (Berita Harian, 2005). Keadaan ini bukan hanya berlaku di Malaysia sahaja malah turut berlaku di negara-negara Asia yang lain. Menurut United Nations Centre for Human Settlements, kerajaan tempatan di Asia membelanjakan kira-kira AS\$25 bilion (RM95 bilion) bagi tujuan pengurusan sisa pepejal setahun dengan 50 % hingga 80 % dibelanjakan oleh negara yang berpendapatan sederhana untuk pemungutan sampah (Berita Harian, 2005) . Di Malaysia, 50 % peruntukan bagi operasi majlis perbandaran telah dibelanjakan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal dan 70 % daripada jumlah tersebut telah digunakan hanya untuk pemungutan sampah! Alangkah baiknya jika sejumlah wang yang besar itu disalurkan untuk projek-projek yang lebih bermanfaat kepada rakyat seperti pembinaan jalan raya, kemudahan awam, taman rekreasi dan sebagainya.

Disebabkan oleh kadar penjanaan sisa pepejal semakin meningkat akibat daripada pertambahan penduduk, gaya kehidupan dan kekurangan tanah sebagai tapak pelupusan dan ditambahkan lagi dengan perbelanjaan yang menelan sehingga jutaan ringgit bagi menguruskannya, maka adalah penting untuk mencari alternatif lain yang lebih murah untuk mempelbagaikan kaedah pelupusan sisa pepejal. Selain daripada kitar semula, pengkomposan merupakan satu lagi pendekatan yang dapat membantu masalah lambakan sisa pepejal di negara kita. Walaupun kaedah ini kurang popular dan proses penghasilannya agak remeh namun ia mampu mengurangkan kos pemprosesan sisa pepejal yang tinggi di samping dapat mewujudkan persekitaran yang baik. Kaedah yang dipercayai boleh mengurangkan penggunaan tapak pelupusan sebanyak 3 kali ganda ini dilihat sesuai untuk

dilaksanakan di Malaysia memandangkan sisa pepejal yang dihasilkan di negara ini mengandungi bahan organik yang tinggi. Sisa pepejal yang bersifat organik ini biasanya merujuk kepada sisa makanan,kertas, kadbur, plastik, tekstil, getah, kayu dan sisa taman (Tchobanoglou et al., 1993). Menurut Agamuthu (2007), sisa pepejal yang dihasilkan di Malaysia dari tahun 1975 sehingga 2006 mengandungi bahan organik yang tinggi iaitu di antara 45 % sehingga 65 %. Kajian bagi menentukan ciri-ciri sisa pepejal perbandaran dari Tapak Pelupusan Pulau Burung turut menyatakan bahawa 94.36 % daripada sisa pepejal yang dihasilkan oleh penduduk Pulau Pinang adalah bersifat organik dengan 49 % daripada sisa tersebut berpotensi untuk dikomposkan yang terdiri daripada sisa makanan dan juga sisa taman (Nor Habsah et al., 2004). Kompos yang terhasil sesuai digunakan sebagai bahan penambahbaik tanah atau sebagai baja di kawasan pertanian. Hasil sampingan daripada proses pengkomposan ini tidak memberikan kesan negatif kepada persekitaran di samping mesra alam, bersih serta mengandungi bahan toksik yang rendah (Agamuthu, 2001).

### **1.3 Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menukar sisa taman kepada satu produk yang lebih bermanfaat iaitu kompos. Dua kaedah pengkomposan iaitu kaedah timbunan statik berudara (TSU) dan kaedah deram berputar (DB) telah dipilih untuk mengkomposkan sisa taman yang dihasilkan dari kawasan Seberang Perai. Kajian ini dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu kajian penentuan ciri-ciri fizikal dan kimia sisa taman (Peringkat I) dan pemantauan proses pengkomposan dan pematangan (Peringkat II dan III).

Peringkat I merangkumi kerja-kerja pencerapan data awalan bagi menentukan ciri-ciri fizikal dan kimia sisa taman seperti penentuan jisim serta komposisi, taburan saiz, ketumpatan pukal, kandungan lembapan, pH, nisbah C:N, kandungan logam berat (Fe, Mn, Zn, Ni) dan kandungan nutrien (nitrat, fosfat, kalium, sulfat).

Peringkat II pula melibatkan kerja-kerja pemantauan parameter yang mempengaruhi proses pengkomposan seperti suhu, nisbah C:N, kandungan lembapan, pH, kandungan nutrien (nitrat, fosfat, kalium, sulfat) serta kandungan logam berat (Fe, Zn, Cu, Cd). Peringkat ini melibatkan penggunaan nisbah kuantiti campuran sisa taman (ST) dan najis lembu (NL) terhadap isipadu timbunan atau reaktor yang agak kecil iaitu sebanyak 70 kg / 0.6 m<sup>3</sup> bagi kaedah TSU dan 20 kg / 0.10 m<sup>3</sup> bagi kaedah DB. Nisbah campuran jisim sisa taman (ST) kepada najis lembu (NL) pula adalah 1 : 1, 3 : 2 dan 7 : 3.

Proses pengkomposan dalam Peringkat III dilaksanakan pada nisbah ST dan NL yang optimum (dari Peringkat II) dan menggunakan kuantiti sisa organik yang lebih besar iaitu sebanyak 355 kg / 1.5 m<sup>3</sup> bagi kaedah TSU dan 100 kg / 0.14 m<sup>3</sup> untuk kaedah DB. Peringkat ini hanya melibatkan kerja-kerja pemantauan parameter seperti suhu, nisbah C:N, kandungan lembapan dan pH. Nisbah campuran jisim sisa taman (ST) kepada najis lembu (NL) yang digunakan ialah 3 : 2.

Objektif keseluruhan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan ciri-ciri fizikal dan kimia sisa taman seperti jisim, komposisi, taburan saiz, ketumpatan pukal, kandungan lembapan, pH,

nisbah C:N, kandungan logam berat dan kandungan nutrien dalam Peringkat I.

2. Membandingkan kualiti kompos yang terhasil daripada kedua-dua kaedah pengkomposan (TSU dan DB) menggunakan 3 nisbah campuran ST dan NL iaitu 1 : 1, 3 : 2 dan 7 : 3 dalam Peringkat II.
3. Membandingkan kualiti kompos yang terhasil daripada kedua-dua kaedah pengkomposan (TSU dan DB) menggunakan nisbah campuran ST dan NL iaitu 3 : 2 dalam Peringkat III.

#### **1.4 Skop kajian**

Kajian ini menumpukan kepada sisa taman yang dihasilkan dari kawasan Seberang Perai yang dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Ini merupakan tapak pelupusan sisa pepejal bagi negeri Pulau Pinang dan diuruskan sepenuhnya oleh Syarikat Idaman Bersih Sendirian Berhad (IBSB). Tapak pelupusan ini terletak kira-kira 15 km dari Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.

Proses pencerapan data awalan (Peringkat I) dan pengkomposan (Peringkat II) dijalankan di tapak pengkomposan yang disediakan oleh pihak IBSB di Tapak Pelupusan Pulau Burung memandangkan sumber sisa taman dan najis lembu (dari kawasan berhampiran tapak pelupusan) mudah diperolehi. Lokasi kajian Peringkat III ialah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Kampus Kejuruteraan USM.

Kuantiti sisa organik yang digunakan dalam Peringkat II adalah sebanyak 70 kg / 0.6 m<sup>3</sup> bagi kaedah TSU dan 20 kg / 0.10 m<sup>3</sup> bagi kaedah DB. Dalam Peringkat III, kuantiti sisa organik yang digunakan adalah lebih besar iaitu sebanyak 355 kg / 1.5 m<sup>3</sup> bagi kaedah TSU dan 100 kg / 0.14 m<sup>3</sup> untuk kaedah DB. Dalam Peringkat II, nisbah campuran sisa taman (ST) dan najis lembu (NL) yang digunakan ialah 1 : 1, 3 : 2 dan 7 : 3 . Sementara itu, nisbah campuran sisa taman (ST) dan najis lembu (NL) yang digunakan dalam kajian Peringkat III ialah 3 : 2.

Dalam Peringkat II, bekalan udara bagi kaedah TSU diperolehi melalui proses pengudaraan paksa selama 8 jam sehari dengan menggunakan *blower* dan proses pembalikan secara mekanikal. Manakala proses pengudaraan bagi kaedah DB pula diperolehi melalui kaedah putaran deram secara mekanikal dan juga melalui liang pengudaraan yang dibuat di sekeliling deram. Dalam Peringkat III, proses pengudaraan paksa dengan menggunakan *blower* untuk kaedah TSU telah dipelbagaikan secara berkala mengikut fasa mesofilik dan termofilik. Bagi kaedah DB, bekalan udara diperolehi melalui proses pembalikan deram secara mekanikal serta pengaliran udara masuk melalui paip PVC yang dipasang sepanjang deram.

Data yang diperolehi daripada kajian pengkomposan ini dianalisis dari segi plotan graf dan analisis statistik menggunakan perisian MINITAB (R14). Keputusan analisis varian (ANOVA) yang diperolehi digunakan untuk membuat perbandingan di antara kaedah TSU dan DB untuk Peringkat III sahaja.

## **BAB 2**

### **PROSES PENGKOMPOSAN**

#### **2.1 Sejarah Pengkomposan**

Pengkomposan bukanlah satu teknologi yang baru dalam pengurusan sisa pepejal di dunia. Kaedah ini telah lama dipraktikkan secara meluas semenjak beberapa abad yang lalu oleh para petani bagi menghasilkan bahan penambahbaik untuk tanaman. Umpamanya di zaman awal tamadun manusia, para petani di Amerika Selatan, China, Jepun dan India telah menggunakan najis haiwan dan najis manusia sebagai baja di kawasan pertanian mereka. Sisa-sisa tersebut dilonggokkan di suatu kawasan kemudian dibiarkan mereput dalam jangkamasa yang panjang bagi menghasilkan kompos.

Proses pengkomposan moden yang dikenali sebagai ‘Kaedah Indore’ bermula pada awal tahun 1920-an di India (Epstein, 1997; Haug, 1993). Kaedah ini telah dibangunkan oleh seorang ahli agronomi British, Sir Albert Howard semasa beliau bertugas di Indore Institute of Plant Industry, Central India di antara tahun 1924 sehingga 1931. Pada peringkat awal, kaedah yang menggabungkan najis haiwan, najis manusia serta sisa taman seperti daun, rumput dan jerami ini dilakukan secara anaerobik di mana saiz timbunan tersebut adalah 9 m x 4 m x 0.9 m. Walau bagaimanapun, kaedah ini kemudiannya telah diubahsuai supaya proses penguraian secara aerobik dapat berlaku dengan melakukan pembalikan yang lebih kerap ke atas sisa-sisa yang dikomposkan. ‘Kaedah Indore’ diterima dengan baik dan dipraktikkan secara meluas dalam Empayar British kerana ia menggalakkan para petani untuk mengkomposkan sisa tanaman mereka bagi menghasilkan baja daripada dibakar

sebelum ini. Pada tahun 1935, dilaporkan ladang-ladang teh di India dan Sri Lanka telah menghasilkan 1,000,000 tan kompos dengan menggunakan kaedah ini (Haug, 1993).

Sementara itu, kemudahan pengkomposan yang berskala besar di negara Eropah telah bermula pada tahun 1932 di Belanda. Proses yang dikenali sebagai ‘Van Maanen’ serta dikendalikan sepenuhnya oleh syarikat Vuilafvoer Maatschappij (VAM) ini merupakan adaptasi daripada Kaedah Indore di mana ia diaplikasikan untuk pengkomposan sisa pepejal yang berskala besar. Melalui kaedah ini, tempoh pengkomposan sisa pepejal adalah di antara 4 sehingga 8 bulan. Pemantauan turut dilakukan terhadap kandungan lembapan serta keperluan udara sisa pepejal yang dikomposkan. Kompos yang terhasil kemudiannya disaring, diasingkan serta dikisar kepada saiz yang berbeza sebelum digunakan ke atas tanaman. Pada tahun 1955, loji pengkomposan yang kedua telah dibangunkan di Mierlo, Belanda yang mampu menampung kapasiti sisa pepejal sebanyak 70,000 tan metrik setahun. Proses ini dilakukan di kawasan yang agak jauh daripada penempatan penduduk bagi mengelakkan masalah bau dan lalat.

Sejajar dengan perkembangan teknologi, sistem pengkomposan di seluruh dunia turut berkembang pesat. Jika satu masa dahulu kompos dibalikkan secara manual dengan menggunakan peralatan konvensional namun kini tidak lagi. Dengan kemajuan teknologi, peralatan seperti mesin dan jentera digunakan bagi membalikkan kompos sepanjang proses pengkomposan berlangsung. Jika dahulu sisa organik hanya dilonggokkan di suatu kawasan kemudian dibiarkan mereput sebelum digunakan sebagai baja. Namun perkembangan sains dan teknologi dalam bidang

pengkomposan kini menyebabkan pemantauan seperti perubahan suhu, pH, kandungan lembapan, keperluan udara serta nisbah C:N dilakukan ke atas sisa organik yang dikomposkan bagi menjamin kualiti produk akhir yang terhasil. Jadual 2.1 menunjukkan sistem-sistem pengkomposan yang telah dibangunkan di seluruh dunia pada tahun 1969.

Jadual 2.1 : Sistem pengkomposan yang dibangunkan di seluruh dunia pada tahun 1969

Sistem	Penerangan	Lokasi
Bangalore (Indore)	Berbentuk timbunan; 0.6 - 0.9 m dalam; lapisan terdiri daripada sampah, najis manusia dan bahan organik lain; tempoh pengkomposan 120 -180 hari	India, Afrika Selatan
Caspari	Sampah dipadatkan di dalam lapisan bata; dibiarkan selama 30-40 hari; dimatangkan; kompos ditapis.	Schweinfurt, Jerman
Dano	Deram berputar; 2.7 – 3.6 m diameter dan 45 m panjang; masa tahanan 1-5 hari; ditimbunkan untuk pematangan	Eropah
Earp Thomas	Silo dengan 8 tingkat longgokan; sampah dipindahkan dari satu tingkat ke tingkat lain; udara dibekalkan ke atas melalui silo; masa tahanan 2-3 hari; ditimbunkan untuk pematangan	Heidelberg, Jerman; Turgi, Switzerland; Verona, Italy; Thessaloniki, Greece
Fairfield-Hardy	Tangki bulat; pengudaraan paksa dari bawah, masa tahanan 4-5 hari	Pennsylvania, USA; San Juan, Puerto Rico
Frazer-Eweson	Tangki pugak dengan 4-5 tingkat berliang; pengudaraan paksa; masa tahanan 4-5 hari	Tiada lagi yang beroperasi
Jersey (John Thompson System)	Struktur 6 tingkat; sampah dipindahkan dari satu tingkat ke tingkat lain; masa tahanan 6 hari	Jersey, Channel Islands, Great Britain; Bangkok, Thailand

## Sambungan Jadual 2.1

Metrowaste	Bekas terbuka, 6 m lebar x 3 m tinggi x 30-120 m panjang; sampah dibalikkan 7 hari sekali; pengudaraan paksa	Houston, Texas; Gainesville, Florida
Naturizer or International	Menggunakan 5 ‘conveyor belt’ besi yang bergerak; pengudaraan paksa dilakukan dari bahagian bawah pencerna; masa tahanan 5 hari	St. Petersburg, Florida
T.A Crane	2 sel dengan 3 lapisan horizontal; sampah dipindahkan dari satu lapisan ke lapisan lain; udara dibekalkan dari bahagian bawah bekas	Kobe, Jepun
Tollemache	Mirip kepada sistem Metrowaste	Sepanyol; Selatan Rhodesia; Afrika
Windrow	Timbunan terbuka yang dibalikkan dengan menggunakan pelbagai jenis mesin	Mobile, Alabama; Boulder, Colorado; Johnson City’ Tennessee; Eropah; Israel
Van Maanen (VAM)	Timbunan memanjang yang dibalikkan oleh kren; tempoh pengkomposan 120-180 hari	Belanda

(Sumber : Epstein, 1993)

## 2.2 Definisi Pengkomposan

Pengkomposan mempunyai definisi yang amat luas. Di antaranya ialah :

- (i) Pengkomposan adalah proses penguraian substrat organik secara biologi yang melibatkan aktiviti populasi bakteria mesofilik dan termofilik bagi menghasilkan produk akhir yang stabil untuk disimpan dan diaplikasikan kepada tanah tanpa memberikan kesan sampingan kepada persekitaran  
(Iyengar et al., 2005)
- (ii) Pengkomposan adalah proses penguraian dan penstabilan bahan-bahan organik secara biologi di bawah keadaan yang boleh menyebabkan

peningkatan suhu termofilik hasil daripada tindakbalas biologi yang menghasilkan haba serta dapat menghasilkan produk akhir yang stabil, bebas dari patogen dan bermanfaat kepada tanah (Bertran et al., 2004).

- (iii) Pengkomposan adalah proses penguraian dan penstabilan bahan-bahan organik secara biologi di bawah keadaan yang terkawal bagi menghasilkan produk akhir yang bermanfaat kepada tanah (Madejon et al., 2002)

Secara amnya, proses pengkomposan merupakan satu kaedah untuk menukar bahan organik kepada bahan lain yang lebih stabil serta mempunyai banyak ciri positif dan boleh digunakan semula kepada tanah. Produk akhirnya bersifat mesra alam, bersih serta kandungan toksik yang rendah.


### **2.3 Pengelasan Proses Pengkomposan**

Pengkomposan adalah proses penguraian bahan-bahan organik secara biologi. Dalam proses ini, mikroorganisma memainkan peranan penting untuk menguraikan bahan-bahan organik tersebut kepada satu bahan yang lebih stabil yang dikenali sebagai kompos. Proses pengkomposan boleh dikelaskan kepada 2 jenis iaitu secara aerobik dan anaerobik.

#### **2.3.1 Proses Pengkomposan Aerobik**



Proses pengkomposan secara aerobik berpotensi besar untuk mengolah sisa pepejal perbandaran dan juga sisa taman (Komilis, 2006). Proses ini melibatkan

penguraian bahan-bahan organik dengan kehadiran oksigen. Hasil akhir daripada tindak balas ini terdiri daripada  $\text{CO}_2$ ,  $\text{NH}_3$ , air dan haba. Rajah 2.1 menunjukkan analisis input-output bagi proses pengkomposan secara aerobik.




Rajah 2.1 : Analisis input-output proses pengkomposan  
(Sumber : Diaz et al., 1993, Haug,1993)

Penggunaan oksigen adalah tinggi pada permulaan proses dan kemudiannya semakin berkurang apabila kompos telah mencapai kematangan (Hoornweg et al., 1999). Dalam proses ini juga, bakteria aerobik akan menggunakan karbon dari sisa organik sebagai sumber tenaga manakala nitrogen akan dikitar semula (Agamuthu, 2001). Secara amnya, proses penguraian secara aerobik boleh dijelaskan melalui persamaan (2-1) di bawah:



Manakala proses penguraian secara aerobik bagi bahan organik yang mempunyai formula  $C_aH_bO_cN_d$  boleh dijelaskan melalui persamaan berikut (Tchobanoglous et al., 1993) :



di mana ;


$$r = 0.5 [b-nx-3(d-nx)]$$

$$s = a-nw$$

$n$  = bilangan mol  $C_wH_xO_yN_z$  yang terhasil daripada  $C_aH_bO_cN_d$

$a,b,c,d,w,x,y,z$  = bilangan mol komposisi bahan organik (C, H,O,N) pada peringkat awal dan akhir pengkomposan.


Sementara itu, persamaan (2-3) pula menjelaskan bahawa proses penguraian bahan organik secara aerobik telah lengkap sepenuhnya.



### 2.3.2 Proses Pengkomposan Anaerobik

Proses pengkomposan anaerobik ialah proses penguraian bahan-bahan organik yang berlaku tanpa kehadiran oksigen. Proses ini mengambil masa yang lebih panjang daripada proses pengkomposan secara aerobik. Produk akhir yang terhasil biasanya terdiri daripada  $CH_4$ ,  $CO_2$ ,  $NH_3$ , gas-gas yang berasid serta menghasilkan bau yang busuk. Di bawah keadaan anaerobik, bahan-bahan yang sedang mengurai cenderung untuk menjadi lebih berasid. Pada masa dahulu, kaedah ini biasanya digunakan untuk mengolah najis haiwan dan najis manusia. Namun

kini, kaedah ini telah mula diperaktikkan untuk mengolah sisa pepejal perbandaran dan sisa taman. Secara umumnya, proses penguraian secara anaerobik bagi sisa organik boleh dijelaskan melalui persamaan (2-4) berikut:




Di mana;

$$s = a - nw - m$$

$$r = c - ny - 2s$$

a,b,c,d,w,x,y,z = bilangan mol komposisi bahan organik (C, H,O,N) pada peringkat awal dan akhir pengkomposan.

Persamaan (2-5) pula menjelaskan bahawa proses penguraian bahan organik secara anaerobik telah lengkap sepenuhnya:-



## 2.4 Kaedah Pengkomposan

Kaedah pengkomposan terbahagi kepada 2 kaedah utama iaitu kaedah terbuka dan kaedah mekanikal (Diaz et al., 1993). Kaedah terbuka melibatkan dua kaedah iaitu kaedah timbunan statik (*windrow*) dan kaedah timbunan statik berudara (*aerated static pile*). Sementara kaedah mekanikal (*in-vessel*) terdiri daripada reaktor pugak, reaktor mendatar dan kaedah deram berputar. Selain daripada 2 kaedah utama

ini, terdapat 2 lagi kaedah yang semakin popular dalam pengkomposan sisa organik iaitu kaedah vermi (*vermicomposting*) dan kaedah pengkomposan termofilik.

#### **2.4.1 Kaedah Terbuka**


Kaedah ini mudah dan tidak memerlukan kepakaran teknologi yang tinggi. Ia sesuai digunakan untuk mengolah sebarang jenis sisa organik antaranya najis haiwan, enapcemar kumbahan dan sisa taman (Haug, 1993) serta mampu menukar sisa dalam kuantiti yang besar kepada kompos. Kaedah Indore dan Van Maanen adalah di antara projek perintis yang mengetengahkan kaedah pengkomposan secara terbuka semenjak tahun 1920-an lagi.

##### **a) Kaedah timbunan statik (*windrow*)**

Kaedah ini merupakan kaedah yang mudah dan boleh diubahsuai mengikut tempat. Melalui kaedah ini, sisa organik akan dilonggokkan dalam bentuk timbunan yang besar dan memanjang. Timbunan statik (*windrow*) boleh dibuat dalam bentuk segi tiga (*delta windrow*) dengan ketinggian mencapai 2 m dan lebarnya adalah di antara 2.5 m sehingga 3 m. Sementara itu, timbunan yang berbentuk segiempat memanjang (*trapezoidal windrow*) boleh mencapai ketinggian sehingga 3 m dan lebarnya adalah di antara 10 m sehingga 12 m dengan bahagian sisinya dicondongkan sedikit seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2. Walau bagaimanapun, dimensi timbunan bergantung kepada sisa organik yang digunakan dan keadaan cuaca. Proses pembalikan secara berkala turut dilakukan bagi membekalkan oksigen kepada timbunan bahan organik (Tiquia et al., 1997) di

samping memecahkan gumpalan sisa organik tersebut kepada saiz yang lebih kecil untuk tindakan penguraian oleh mikroorganisma atau organisma pengurai yang lain. Proses pembalikan juga memainkan peranan penting untuk meningkatkan sifat keporosan bahan-bahan organik yang dikomposkan. Ini adalah untuk mengelakkan pemendapan dan pemedatan berlaku ke atas bahan-bahan tersebut di samping membenarkan haba, wap air dan gas-gas yang terperangkap di dalam timbunan kompos dibebaskan keluar. Sifat keporosan bahan-bahan organik yang dikomposkan banyak mempengaruhi aliran udara di dalam timbunan. Contohnya, bahan organik yang lebih padat dan tumpat seperti najis haiwan memerlukan bentuk timbunan yang lebih kecil untuk meminimumkan zon anaerobik manakala bahan organik yang lebih poros dan ringan seperti sisa taman akan dikomposkan dalam bentuk timbunan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, kaedah ini dilihat mempunyai banyak kekurangan (Tiquia dan Tam, 1998). Di antaranya ialah :

- (ii) Memerlukan ruang yang besar
- (iii) Memerlukan peralatan atau pun jentera yang besar untuk mengendalikan proses pembalikan
- (iv) Memerlukan kos tambahan untuk membayar buruh yang menjalankan kerja-kerja pembalikan.




Rajah 2.2 : Kaedah timbunan statik (*windrow*) (Sumber : Haug, 1993)

**b) Timbunan statik berudara (*aerated static pile*)**

Kaedah ini telah dibangunkan oleh *U.S Department of Agricultural Research Service Experimental Station* di Beltsville, Maryland (Tchobanoglous et al., 1993; Haug, 1993). Pada peringkat awal, kaedah yang mirip kepada kaedah timbunan statik ini digunakan untuk mengolah sisa organik yang mempunyai kandungan lembapan yang tinggi seperti enap cemar kumbahan. Walau bagaimanapun, kaedah ini kemudiannya diperluaskan untuk mengolah sisa organik lain seperti sisa taman dan sisa pepejal perbandaran yang telah diasingkan. Kaedah timbunan statik berudara terdiri daripada rangkaian paip yang berliang dan penghembus udara (*blower*) bagi membekalkan udara kepada timbunan sisa organik (Rajah 2.3). Udara yang masuk akan membekalkan oksigen bagi membantu proses penguraian sisa organik di samping mengawal suhu di dalam timbunan (Tchobanoglous et al., 1993). Operasi pengudaraan timbunan kompos boleh dikawal dengan menggunakan penentu masa

(timer) yang disambungkan kepada penghemus udara (blower). Secara tidak langsung, kadar aliran udara dapat dikawal bagi menghasilkan profil suhu yang dikehendaki di dalam timbunan sisa organik (Zhu et al., 2004). Kebiasaannya, timbunan statik berudara mempunyai ketinggian di antara 2 - 2.5 m. Timbunan yang terbentuk akan dilitupi dengan kompos yang telah disaring bagi mengelakkan masalah bau. Agen pemukalan seperti serpihan kayu telah digunakan semenjak dulu lagi bagi meningkatkan keronggaan dalam timbunan kompos di samping berperanan untuk menyerap lembapan yang berlebihan (Tiquia dan Tam, 1998).



Rajah 2.3 : Kaedah timbunan statik berudara (Sumber : Tchobanoglous et al., 1993)

Kaedah ini dilihat banyak memberikan kebaikan dalam pengkomposan sisa organik berbanding kaedah timbunan statik. Tiquia dan Tam (1998) menyatakan bahawa kaedah ini amat sesuai digunakan di Hong Kong kerana ia tidak memerlukan ruang yang besar dan tenaga buruh yang sedikit berbanding kaedah timbunan statik. Sementara itu, Cegarra et al. (2006) turut bersetuju bahawa aplikasi kaedah ini dapat

menampung bekalan oksigen di dalam timbunan di samping menyingkirkan haba, gas-gas serta wap air. Dalam pengkomposan moden, kaedah ini sesuai digunakan di ladang-ladang yang berskala besar dan sederhana (Zhu et al., 2004).

Namun, di sebalik kebaikan masih terdapat beberapa kekurangan dalam penggunaan kaedah ini. Di antaranya adalah pembentukan takungan air di bahagian dasar timbunan disebabkan mekanisma pembalikan tidak dilakukan dan menyebabkan wujudnya keadaan anaerobik (Cegarra et al., 2006) yang secara tidak langsung menghasilkan bau yang busuk. Ketiadaan mekanisma pembalikan juga menyebabkan ketidakseragaman jisim kompos seperti taburan mikroorganisma, nutrien dan air.

Kaedah *Biodegma* merupakan salah satu kaedah pengkomposan yang menggunakan kaedah timbunan statik berudara yang telah dibangunkan oleh sebuah firma dari Jerman (Agamuthu, 2001). Dalam kaedah *Biodegma* ini, sisa organik ditimbunkan di atas rangkaian paip pengudaraan yang disambungkan dengan sebuah kipas. Kipas ini berfungsi untuk mengawal suhu dan juga kelembapan sisa organik yang dikomposkan. Di samping itu, sisa organik yang dikomposkan akan ditutup dengan satu lapisan membran tidak telap yang berfungsi untuk mengelakkan kompos daripada dibasahi hujan, mengelakkan masalah bau dan membenarkan gas yang terhasil bebas ke persekitaran. Teknologi ini dilihat sangat berkesan kerana proses pengkomposan boleh dilakukan di tempat yang lebih selesa dan bersifat mudah alih (*mobile*). Sisa organik boleh dikomposkan di dalam struktur yang diperbuat daripada konkrit, bekas yang diperbuat daripada logam atau dalam bentuk timbunan statik (*windrow*) sebelum ditutup dengan satu lapisan membran.